

07 FEB 1999

G15-Perdagangan

MENTERI-MENTERI PERDAGANGAN MEMULAKAN SIDANG KEMUNCAK G15

Oleh: Kuah Guan Oo

MONTEGO BAY (Jamaica), 7 Feb (Bernama) -- Menteri-menteri Perdagangan dari negara-negara G15 memulakan mesyuarat sebelum sidang kemuncak di Jamaica pada Sabtu dengan menumpukan kepada isu-isu perdagangan dunia dan kewangan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Encik M. Suppermaniam berkata, mesyuarat itu bermula dengan taklimat oleh Setiausaha Agung Persidangan Pembangunan dan Perdagangan PBB (UNCTAD) Reubens Ricupero dan Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Anwarul Hoda.

Taklimat itu bertumpu kepada rundingan perdagangan multilateral dan mesyuarat Menteri-menteri WTO ketiga di Seattle pada November ini.

Daripada taklimat Ricupero, beliau berkata sidang mesyuarat itu berpendapat mereka mesti berusaha bagi menentukan pendirian bersama mengenai layanan khas dan berbeza bagi negara-negara membangun di rundingan-rundingan perdagangan WTO akan datang.

Buat masa ini pelbagai peruntukan dalam perjanjian-perjanjian untuk membantu negara-negara membangun tidak diambil berat atau diberi perhatian oleh negara-negara maju.

Pada masa yang sama terdapat perbezaan pendapat di kalangan perwakilan akan persoalan sama ada satu lagi pusingan rundingan WTO diperlukan mengenai perdagangan multilateral. Kecuali beberapa anggota dari Amerika Selatan, banyak lagi negara anggota berpendapat mereka perlu memberi tumpuan kepada melaksanakan perjanjian sedia ada dan usaha susulan dalam pertanian dan perkhidmatan, katanya.

Negara-negara ini berpendapat mereka juga perlu memberi perhatian kepada kajian semula rundingan perdagangan Pusingan Uruguay dan adalah terlalu awal untuk meminta satu lagi pusingan rundingan perdagangan yang menyentuh aspek yang luas.

Akhirnya, kumpulan itu bersetuju yang "mereka mesti terus bersatu, bercakap dengan satu suara dan perpaduan mesti terus ditunjukkan supaya boleh mencapai keputusan positif,"

Pegawai WTO itu pula memberikan taklimat mengenai persiapan bagi mesyuarat di Seattle November ini, sementara menasihatkan mereka untuk mengenal pasti isu-isu negara-negara membangun.

Hoda, kata beliau, memberitahu mesyuarat itu adalah lebih baik bagi negara-negara membangun untuk bekerjasama dalam isu-isu mereka supaya dapat mempertahankan kepentingan mereka dalam dalam mesyuarat persediaan di Geneva sebelum mesyuarat di Seattle.

Suppermaniam berkata, delegasi 17 negara anggota G15 pada amnya menghargai nasihat itu dan bersetuju yang mereka perlu mengenal pasti dan mengamalkan pendirian bersama dalam masalah-masalah mereka berbanding "menunjukkan reaksi" terhadap negara-negara maju seperti sebelum ini.

Wakil Tetap PBB di Geneva, Encik Hamidon Ali, yang turut berada di mesyuarat itu berkata, ada juga pandangan mengenai perlunya perkumpulan itu mengambil pendirian bersama bagi mengkaji semula dan mengawal selia sistem kewangan dunia dan aliran modal, khususnya aliran modal jangka pendek.

Perkumpulan negara-negara membangun yang berusia sembilan tahun itu juga akan menyaksikan Sri Lanka menyertainya sebagai anggota ke 17 pada Rabu ini.

Anggota-anggota lain ialah Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Senegal, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Zimbabwe, India,

Indonesia dan Malaysia.

Hamidon bagaimanapun berpendapat adalah sukar bagi perkumpulan itu untuk muncul dengan pendirian bersama di sidang kemuncak ke sembilannya yang bermula Rabu ini dalam mengkaji semula dan mengawal selia aliran modal jangka pendek.

Beliau berkata, negara-negara seperti China dan Argentina belum bersedia "berbuat seperti kita" bagi mengawal selia aliran modal jangka pendek kerana mereka banyak mendapat manfaat daripada modal ini.

Menurut Hamidon, anggota-anggota dari Amerika Selatan mempunyai pandangan mereka sendiri dan kedua-dua pandangan itu mungkin betul.

Bercakap dalam sidang berita selepas mesyuarat itu, Menteri Kewangan Jamaica Dr Omar Davis berkata kedua-dua pandangan itu mungkin betul kerana setiap negara mempunyai pandangannya sendiri dalam mengatasi masalah ekonomi mereka.

Jamaica yang keluar daripada penyeliaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) selama 18 tahun pada 1995, tidak bersetuju dengan formula "ubati semua" IMF bagi negara-negara yang dilanda krisis kewangan, kata Dr Omar.

Hamidon berkata Malaysia berpendapat masalah aliran modal jangka pendek dan dana lindung nilai merupakan punca krisis kewangan di Asia Timur tetapi ia juga akan mengkaji pendapat-pendapat berbeza dan berusaha untuk mencapai pendirian bersama semasa sidang kemuncak itu.

Hamidon berkata, Indonesia mencadangkan semasa mesyuarat itu yang G15 menubuhkan pasukan petugas untuk menganalisa impak krisis kewangan terhadap masyarakat, sementara Zimbabwe mencadangkan perkumpulan itu meminta masyarakat antarabangsa menghapuskan hutang negara-negara miskin.

Beliau berkata, Menteri-menteri perdagangan akan mengemukakan syor-syor mereka kepada ketua-ketua kerajaan yang memulakan sidang kemuncak pada Rabu.

Sementara itu, senarai rasmi sekretariat G15 menunjukkan sembilan ketua kerajaan akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Mereka ialah Perdana Menteri India Atal Behari Vajpayee, Jeneral Abdulsalami Abubakar dari Nigeria, Presiden Peru Alberto Fujimori, Presiden Senegal Abou Diouf, Presiden Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga, Presiden Venezuela Hugh Chavez Frias, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe dan P.J Patterson Perdana Menteri negara tuan rumah, Jamaica.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd dijangka tiba di sini pada Isnin. Beliau mengetuai delegasi Malaysia termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang dijadualkan tiba pada Ahad.

-- BERNAMA

KGO PR